



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PPK334/4 – PENGURUSAN MASALAH EMOSI DAN TINGKAH LAKU KANAK-KANAK  
BERKEPERLUAN KHAS**

**SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

**SEMESTER 1**

**TUGASAN INDIVIDU**

DISEDIAKAN OLEH:



NAMA: NURUL FIKRAH BINTI AZIZ

EMAIL: [nurulfikrah091@gmail.com](mailto:nurulfikrah091@gmail.com)

NO KAD PENGENALAN: 980207115208

NO MATRIK: 141428

**DISEDIAKAN UNTUK: DR LOW HUI MIN**

**TARIKH: 10 FEBUARI 2021**

**Tugasan 2 (Tarikh penghantaran: 10 Februari 2020). Tugas esei ini mengandungi SATU (1) soalan. Soalan perlu dijawab dengan sekurang-kurangnya 900 patah perkataan dalam word/pdf format. (30%)**

Aishah ialah seorang murid masalah pembelajaran dalam program pendidikan khas. Aishah mengalami masalah kognitif tahap teruk, Dia suka menconteng buku latihan rakan di sebelahnya. Huraikan TIGA (3) strategi pengurusan tingkah laku yang sesuai dalam kes ini. **Bandungkan kelebihan dan kekurangan** strategi ini.

**Untuk setiap strategi jawapan anda akan dinilai dari segi:**

Pilihan strategi yang sesuai - 2%

Sebab pilihan - 3%

Penghuraian tentang strategi - 3%

Pembandingan kelebihan dan kekurangan - 2%

$10\% \times 3 = 30\%$

## **Pengenalan**

Samuel Kirk (1963) telah mendefinisikan bahawa masalah pembelajaran sebagai kelewatan perkembangan dalam satu atau lebih daripada proses pertuturan, pembacaan, penulisan, pengiraan atau mata pelajaran sekolah yang lain. Ianya bukanlah kesan daripada kerencatan mental, halangan sensori (buta atau pekak) atau faktor budaya dan persekitaran. Pencapaian kemahiran membaca, menulis dan mengira adalah pada tahap di bawah purata kebangsaan. Terdapat perbezaan yang nyata di antara kanak-kanak yang diklasifikasikan sebagai bermasalah pembelajaran. Masalah pembelajaran tidak dikaitkan dengan kurang upaya seperti kerencatan mental, bermasalah penglihatan atau bermasalah pendengaran. Menurut *Individual with Disabilities Education Act (IDEA)* pula, masalah pembelajaran didefinisikan sebagai masalah dalam satu atau lebih daripada proses asas psikologi melibatkan pemahaman atau penggunaan bahasa sama ada pertuturan atau penulisan di mana masalah yang dihadapi mengakibatkan kebolehan mendengar, berfikir, bertutur dan membaca yang tidak sempurna. Ini tidak termasuk mereka yang bermasalah pembelajaran akibat daripada ketidakupayaan penglihatan, pendengaran dan motor, kerencatan akal, gangguan emosi atau kekurangan dalam persekitaran, budaya atau ekonomi.

Berdasarkan soalan di atas berkenaan dengan seorang murid masalah pembelajaran dalam program Pendidikan khas yang bernama Aishah telah mengalami masalah kognitif tahap teruk. Disamping itu, turut dimaklumkan bahawa dia suka menconteng buku latihan rakan di sebelahnya. Masalah kognitif yang dihadapi Aisyah ini bermaksud permasalahan intelektual. Masalah kognitif dikenali sebagai masalah intelektual atau kerencatan akal. Masalah kognitif yang dihadapi oleh murid-murid masalah pembelajaran akan menyebabkan berlakunya masalah dalam tingkah laku negatif. Tingkah laku negatif merupakan tingkah laku yang mampu memberikan masalah dan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Aisyah boleh dikategorikan sebagai murid masalah pembelajaran yang mempunyai tingkah laku negatif jenis disruptif iaitu tingkah laku mengganggu akibat dari masalah kognitif yang teruk. Oleh itu, terdapat beberapa strategi tingkah laku yang boleh dijalankan oleh guru bagi mengekang permasalahan tingkah laku ini.

## Strategi Peneguhan Positif

Antara strategi pengurusan tingkah laku yang sesuai ialah **peneguhan positif**. Pertama sekali, guru boleh membuat peneguhan positif kepada Aisyah sebagai satu strategi awal untuk mengubah tingkah negatif. Peneguhan positif dipercayai dapat memberi galakan kepada murid-murid untuk bertingkah laku positif. Terdapat beberapa kaedah bagi strategi peneguhan positif yang boleh dijalankan iaitu, pemberian bahan peneguh secara berjadual dan sistem ekonomi token. Kaedah bahan peneguh secara berjadual ini boleh dijalankan melalui dua cara iaitu ratio yang tetap (*fixed-ratio*) dan ratio yang pelbagai (*variable-ratio*). Ratio yang tetap ialah bahan peneguh diberi mengikut selang respons yang tetap. Sebagai contohnya, guru memuji Aisyah kerana berjaya untuk fokus di dalam kelas tanpa menconteng buku rakan sekelasnya. Sebelum itu, guru perlu memastikan bahawa dia telah memberi arahan kepada Aisyah untuk tidak mengganggu rakan disebelahnya. Kita tahu bahawa berkemungkinan besar pada peringkat awal strategi ini sukar untuk dijalankan kerana Aisyah mempunyai masalah kognitif tahap teruk. Walaupun begitu, guru perlu cuba untuk menggunakan strategi ini dalam meningkatkan tingkah laku positif. Kesan dari kaedah ini, murid masalah pembelajaran seperti Aisyah akan merasakan bahawa sekiranya dia menonjolkan tingkah laku yang baik, guru akan memujinya. Untuk mendapatkan ganjaran pujian tersebut, Aisyah perlu mengekalkan tingkah laku positif. Seterusnya, ratio yang pelbagai pula ialah bahan peneguh diberi mengikut respons yang betul secara purata. Contohnya, hadiah akan diberikan sebagai ganjaran sekiranya Aisyah dapat mengekalkan tingkah laku positif tanpa menconteng buku rakannya dalam tempoh masa yang lama atau sehingga tamat pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, kaedah sistem ekonomi token juga dipercayai sebagai satu kaedah dalam strategi peneguhan positif yang memberi impak positif kepada murid masalah pembelajaran kognitif teruk seperti Aisyah. Murid seperti Aisyah akan diberikan token apabila menunjukkan tingkah laku yang dikehendaki seperti tidak menconteng buku rakannya dan Aisyah akan dapat menukar token yang dikumpul untuk bahan peneguh yang disukai kerana dapat mengekalkan tingkah laku yang dikendaki oleh gurunya. Namun begitu, sebelum melaksanakan sistem ini, guru perlu mengenal pasti tingkah laku yang akan diberi token, peraturan yang terlibat dan penerangan tentang sistem ekonomi token yang ingin dijalankan perlu dijelaskan kepada murid masalah pembelajaran seperti Aisyah terlebih dahulu mengikut tahap kefahaman mereka. Oleh itu, di sini guru Aisyah boleh memberi token seperti kad bintang atau pelekat yang ditampal dipapan kenyataan supaya mudah dilihat oleh Aisyah dan rakan sekelas.

Sekiranya Aisyah dapat mengubah tingkah laku menconteng buku rakan dengan menggantikan perlakuan positif, maka token akan diperoleh. Apabila Aisyah dapat menunjukkan tingkah laku yang dikehendaki pada setiap hari, guru akan memberi satu pelekat dan pelekat tersebut boleh ditukar dengan barang yang digemari Aisyah. Kesannya kedua-dua kaedah di bawah strategi peneguhan positif iaitu kaedah penggunaan bahan peneguh dan kaedah ekonomi token dapat mengurangkan tingkah laku negatif.

**Kelebihan dari strategi** peneguhan positif juga akan lebih memenuhi keperluan motivasi ekstrinsik, ia senang digunakan dan mudah untuk mendapatkan hasil serta dapat menarik minat murid masalah pembelajaran kognitif tahap teruk seperti Aisyah apabila diberi ganjaran. Perubahan tingkah laku negatif kepada tingkah laku positif banyak bergantung pada perancangan dan pelaksanaan strategi pengubahsuaian tingkah laku. Peneguhan positif yang diberi secara berkala akan memberi kesan kepada murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran seperti Aisyah terhadap tingkah laku yang seterusnya. Berdasarkan Vroom (1964) juga menyatakan bahawa tingkah laku individu dipengaruhi oleh jangkaan terhadap apa yang akan diperolehi pada masa hadapan dan ini disokong oleh Teori pengukuhan oleh Skinner (1954) menyatakan bahawa gelagat individu yang positif dapat dimotivasikan melalui satu elemen pengukuhan yang positif. Oleh yang demikian, strategi peneguhan positif memberi impak positif terhadap masalah tingkah laku yang wujud di kalangan murid masalah pembelajaran seperti Aisyah yang suka mengganggu rakannya dengan menconteng buku rakannya. Oleh itu, guru di sekolah harus tetap peka dan sentiasa melakukan peneguhan ke atas murid masalah pembelajaran untuk membantu mereka mengekalkan tingkah laku positif.

Namun begitu, peneguhan positif yang dilakukan juga **mempunyai kelemahan** tersendiri. Hal ini demikian kerana, murid masalah pembelajaran kognitif tahap teruk seperti Aisyah mungkin akan menjadi terlampau bergantung dengan ganjaran untuk mengekalkan tingkah laku positif. Kesannya, tingkah laku tidak dapat digeneralisasikan secara terus kerana murid terlalu bergantung kepada peneguhan yang konkrit seperti ganjaran. Oleh itu, guru pendidikan khas dinasihatkan untuk banyak memberi ganjaran berbentuk pujian sebagai galakan untuk murid mengekalkan tingkah laku positif.

## **Strategi Penghapusan**

Disamping itu, guru Pendidikan khas boleh melakukan **strategi penghapusan** atau untuk mengurangkan tingkah laku negatif murid masalah pembelajaran seperti Aisyah.

Penghapusan atau pelupusan bermaksud perlakuan yang tidak diberi peneguhan akan lupus dengan sendirinya. Strategi ini bertujuan mengurangkan dan melupuskan tingkah laku yang tidak diinginkan. Penghapusan juga merujuk kepada kaedah penyingkiran satu bahan peneguh yang menyebabkan sesuatu respons negatif. Penyingkiran bahan peneguh ini akan menyebabkan respons negatif tersebut berkurang. Contohnya, rakan di sebelah Aisyah akan diminta untuk duduk di tempat lain sekiranya Aisyah selalu menggangukannya. Kesannya, Aisyah tidak akan ada rakan disebelahnya. Di sini Aisyah tahu bahawa tingkah laku negatif darinya tidak mendapat tindak balas dari guru bahkan guru telah menyingkirkan bahan peneguh Aisyah iaitu rakan di sebelahnya.

Strategi mengurangkan tingkah laku dengan cara penghapusan (extinction) juga boleh berlaku dengan cara guru Pendidikan khas memberhentikan atau menyekat murid masalah pembelajaran seperti Aisyah daripada terus melakukan tingkah laku negatif secara beransur-ansur dengan menggantikan dengan tingkah laku baru yang positif. Kaedah kejemuhan (satiation) pula membiarkan murid melakukan tingkah laku itu hingga dia jemu melakukannya dan berhenti sendiri akibat tidak mendapat respons dari guru. Contohnya, guru tidak menghiraukan Aisyah apabila Aisyah tetap berdegil untuk menconteng buku rakan di sebelahnya walaupun guru telah menegur perbuatan Aisyah tersebut dan membuat pelbagai strategi untuk mengurangkan masalah tingkah laku negatif akibat dari masalah kognitif tahap teruk. Oleh itu, guru boleh mengambil tindakan untuk memindahkan rakan di sebelah Aisyah ke tempat duduk lain. Guru berbuat demikian untuk memberi kesedaran kepada murid seperti Aisyah bahawa tingkah laku negatif yang tidak disukai gurunya dan akan menyebabkan dia tidak memperoleh sebarang layanan atau perhatian dengan bertingkah laku begitu. Kesannya, Aisyah akan perlahan-lahan menghapuskan tingkah laku suka menconteng buku rakannya agar guru memberi perhatian dan mendapat peneguhan positif seperti murid Pendidikan khas yang lain di kelas tersebut.

Strategi penghapusan juga boleh dibuat dengan cara tindakan tanpa lisan iaitu guru bertindak untuk menghapuskan tingkah laku menconteng buku rakan kepada murid masalah pembelajaran seperti Aisyah dengan tidak mengeluarkan kata-kata. Contoh kesalahan tingkah laku major seperti Aisyah menjadi semakin suka menconteng buku rakan di sebelahnya. Guru bertindak balas dengan perilaku sedemikian dengan melakukan sentuhan fizikal sebagai tanda amaran, mengetuk meja dan memukul papan putih menggunakan rotan dengan kuat. Cara ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada perubahan tingkah laku Aisyah sekaligus memberi peringatan kepada murid lain agar tidak berperilaku negatif.

Namun begitu, guru perlulah memastikan bahawa guru telah menjelaskan atau memaparkan gambarajah perbuatan negatif di papan kenyataan agar mereka tahu tentang beberapa tingkah laku yang dianggap salah dan mengganggu. Maka, secara tidak langsung tingkah laku menconteng buku rakan di sebelah akan berkurang dari semasa ke semasa.

Strategi penghapusan ini mempunyai kebaikan dan kelemahan tersendiri dan ianya bergantung kepada cara guru menggunakan strategi ini untuk mengurangkan dan menghapuskan tingkah laku negatif murid masalah pembelajaran kognitif tahap teruk seperti Aisyah. Antara **kebaikan strategi ini ialah** strategi penghapusan atau pelupusan sesuai untuk memodifikasikan tingkah laku murid yang tidak diinginkan. Tingkah laku negatif yang ditonjolkan dipengaruhi secara sistematik oleh kejadian persekitaran. Oleh itu, prinsip asas modifikasi tingkah laku dengan menggunakan strategi ini mempunyai hubungan kefungsiian antara tingkah laku dan kejadian-kejadian di persekitaran ataupun reaksi terhadap persekitaran. Penghapusan secara berkala yang dibuat oleh guru menyebabkan murid masalah pembelajaran seperti Aisyah dapat membuat generalisasi bahawa perbuatan mengganggu rakan dengan menconteng buku rakannya ialah salah dan Aisyah perlu membuang tingkah laku tersebut dan menggantikan dengan tingkah laku positif. Sebagai contohnya, Aisyah fokus dengan proses pembelajaran sehingga tamat proses pengajaran dan pembelajaran dari guru. Tindakan secara berkala ini menyebabkan murid Pendidikan khas bermasalah pembelajaran menerima untuk melakukan perubahan tingkah laku.

**Kelemahan bagi strategi ini** pula ialah, murid masalah pembelajaran kognitif tahap teruk tidak menghiraukan peneguhan negatif jenis penghapusan. Kita sendiri tahu bahawa masalah kognitif tahap teruk yang dihadapi Aisyah ini akan menyebabkan Aisyah sukar untuk menyimpan maklumat tentang sikap suka menconteng buku rakannya ialah satu tingkah laku yang tidak disenangi. Oleh itu, tingkah laku sedemikian akan tetap berulang walaupun strategi ini digunakan secara berkala dalam tempoh yang agak lama. Di sini, guru Pendidikan khas perlu bertindak bijak dalam menggunakan strategi ini dengan menggabungkan dengan beberapa strategi pengurusan tingkah laku bermasalah yang lain. Disamping itu juga, amat penting untuk guru Pendidikan khas bekerjasama dengan murid masalah pembelajaran seperti Aisyah untuk memahami apa yang memotivasikan mereka sebagai individu sebelum memutuskan pendekatan terbaik untuk sebarang strategi dan peneguhan. Selalunya, faktor yang berbeza akan mendorong setiap murid masalah pembelajaran kognitif tahap teruk. Pendek kata, kelemahan ini perlu diatasi dengan baik oleh guru Pendidikan khas bagi menjamin kemenjadian strategi penghapusan dalam mengurangkan tingkah laku negatif.

## Strategi Denda

**Denda** juga sesuai dijadikan strategi pengurusan tingkah laku negatif murid masalah pembelajaran seperti Aisyah yang mengalami masalah kognitif tahap teruk sehingga dia sering mengganggu rakan di sebelahnya dengan menconteng buku. Denda ialah pengaplikasian kesan kepada tingkah laku untuk mengurangkan sesuatu tingkah laku yang tidak diingini berulang pada masa hadapan. Strategi denda merupakan salah satu peneguhan negatif yang dijalankan oleh guru kepada murid yang mempunyai tingkah laku negatif. Terdapat 3 jenis denda yang sesuai untuk mengurangkan dan menghapuskan masalah tingkah laku Aisyah yang suka menconteng buku rakan di sebelahnya. Antaranya ialah guru boleh memilih cara tamat masa, kos-respons dan aplikasi kesan untuk mengurangkan tingkah laku negatif Aisyah yang tidak disenangi. Menurut Eric Erickson (1992), terdapat pendapat yang berlainan tentang penggunaan denda ini. Bagi sesetengah pihak, ada yang berpendapat bahawa kaedah ini berkesan, manakala ada yang mengatakan bahawa kaedah ini mungkin memudaratkan dan mendatangkan kesan yang tidak dikehendaki oleh guru kepada murid masalah pembelajaran kognitif tahap teruk seperti Aisyah. Secara amnya, strategi denda patut dianggap sebagai strategi terakhir yang dipilih oleh guru sekiranya strategi-strategi pengurusan tingkah laku yang lain gagal dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Dalam 3 kaedah ini, hanya dua kaedah yang selalu digunakan oleh guru Pendidikan khas kerana dianggap sesuai dan tidak mendatangkan kesan buruk iaitu kaedah tamat masa dan kaedah kos-respons. Kedua-dua kaedah dalam strategi ini dapat membantu guru Pendidikan khas bagi mengurangkan perilaku negatif Aisyah.

Pertama sekali, kaedah *time-out* atau kaedah tamat masa. Menurut Alberto, Heflin, dan Andrews (2002) menyatakan bahawa strategi *time-out* berkesan untuk mengurangkan tingkah laku seperti tantrums, tingkah laku yang tidak diingini, menjerit, agresif dan penggunaan kata-kata yang tidak sesuai. *Time-out* adalah selamat dan berkesan digunakan untuk mengatasi tingkah laku dalam konteks persekitaran di kelas Pendidikan khas, positif, konsisten dan boleh diramal seperti mana yang telah jelas dinyatakan dalam kajian-kajian lepas (Lauren Borduin Quetsch, 2015). Costenbader dan Reading-Brown (1995) pula menyebut *time-out* sebagai strategi pengecualian sosial iaitu satu bentuk pengubahsuaian tingkah laku yang melibatkan pemisahan sementara murid-murid masalah tingkah laku mengganggu seperti Aisyah dari persekitaran kerana tingkah laku negatif seperti menconteng buku rakan sebelah dianggap sebagai tidak boleh diterima.



Murid yang berperilaku seperti Aisyah diletakkan di satu sudut yang tidak ada rangsangan lain yang membolehkan mereka untuk bercakap, bermain dan melakukan tingkah laku lain. Kaedah ini amat sesuai untuk memberi ruang kepada Aisyah untuk menyedari tingkah laku negatif yang ditunjukkan tidak disenangi oleh guru dan tidak disukai oleh rakan sekelas. Sebelum guru menjalankan strategi ini, guru terlebih dahulu perlu memberitahu Aisyah berulang kali supaya Aisyah mengetahui tindakannya salah dan menyebabkan rakan sekelas menjauhinya kerana sikap Aisyah yang mengganggu rakannya. Strategi tamat-masa ialah prosedur memindahkan murid masalah pembelajaran seperti Aisyah dari sumber peneguhan apabila tingkah laku negatif ditunjukkan. Strategi tamat-masa sepatutnya dijalankan dalam masa yang singkat iaitu dalam tempoh 2 hingga 5 minit sahaja dan kaedah ini bukanlah bertujuan untuk menakutkan murid tetapi strategi ini biasanya digunakan apabila bahan peneguh atau rangsangan yang menyebabkan tingkah laku negatif tidak dapat dikenal pasti. Sebagai contohnya, Aisyah diasingkan dari rakan di sebelahnya untuk duduk di sudut penjuru kelas seorang diri selama 5 minit apabila dia menconteng buku rakan di sebelahnya tanpa sebab.

Kedua, kaedah kos-respons juga boleh dijalankan kepada Aisyah untuk mengurangkan tingkah laku suka menconteng buku rakan di sebelahnya. Strategi kos-respons ialah prosedur memindahkan bahan peneguh. Contohnya, Aisyah gemar untuk bersiar-siar di luar kelas. Oleh itu, guru boleh mengambil tindakan dengan tidak membenarkan Aisyah pergi ke kantin pada waktu rehat kerana selalu menconteng buku rakannya. Aisyah perlu makan dengan guru di kelas sebagai denda kerana berperilaku sedemikian. Hal ini bermaksud, guru membuat penyingkiran bahan peneguh yang disukai oleh murid seperti Aisyah. Penyingkiran bahan peneguh positif ini termasuk tidak membenarkan murid seperti Aisyah ambil bahagian dalam aktiviti kegemarannya, menyimpan atau merampas benda yang disukai dan guru juga mengambil kembali token yang diberikan. Strategi ini digalakkan dalam situasi rangsangan yang menyebabkan masalah tingkah laku tidak dapat dikenal pasti dan situasi tingkah laku negatif yang perlu dihentikan dalam kadar segera atau serta-merta. Contohnya, guru terus memindahkan rakan di sebelah Aisyah di tempat duduk lain bagi mengelakkan Aisyah menconteng bukunya. Hal ini akan menyebabkan Aisyah terpaksa fokus kepada pengajaran guru kerana dia sudah tidak ada rakan disebelahnya untuk diganggu.

Terdapat kesan positif dan negatif dalam menjalankan strategi dendaan ini. **Antara kesan positif** bagi dendaan kepada murid masalah pembelajaran seperti Aisyah ialah kesegeraan.

Tingkah laku negatif perlahan-lahan akan berubah kerana guru segera membuat strategi ini dengan segera. Akibat atau kehilangan peneguhan akan terjadi serta merta selepas tingkah laku negatif ditunjukkan kerana penangguhan untuk mengurangkan tingkah laku negatif akan menyebabkan dendaan kurang berkesan. Seterusnya, strategi dendaan ini juga berkesan kerana mempuyai nilai kontigensi. Keberkesanan dendaan paling berkesan apabila rangsangan dendaan berlaku setiap kali tingkah laku negatif terjadi. Sekiranya tidak ada tingkah laku sasaran terjadi, tidak ada dendaan. Ia juga kurang berkesan jika digunakan secara tidak konsisten.

**Kesan negatif strategi dendaan** pula ialah strategi ini boleh menghasilkan kesan kepada emosi agresif. Kajian haiwan menunjukkan tingkah laku agresif dan lain-lain respon emosi dihasilkan apabila ada pihak yang menggunakan rangsangan menyakitkan sebagai dendaan. Ia bertukar menjadi peneguhan negatif jika tingkah laku agresif menjadi rangsangan aversif. Seterusnya strategi ini boleh menghasilkan tingkah laku mengelak atau melarikan diri dalam individu yang didenda. Contohnya, Aisyah akan mengelak untuk datang ke sekolah kerana dia merasakan setiap perbuatan darinya akan menyebabkan dia mendapat peneguhan negatif seperti dendaan. Murid bermasalah pembelajaran kognitif tahap teruk seperti Aisyah juga berkemungkinan untuk tidak peduli dengan arahan dan dendaan dari guru Pendidikan khas. Aisyah akan bertingkah laku negatif yang lebih mengganggu orang lain sehingga sesi pembelajaran terhenti kerana gangguannya. Sebagai contoh, Aisyah akan pergi memukul rakan-rakan yang lain, menjerit dan lain-lain lagi tingkah laku negatif kerana dia tidak boleh menconteng buku rakan di sebelahnya. Pendek kata, tindakan ini mungkin berlaku kerana dia inginkan perhatian dari persekitaran dan ingin menunjukkan protes kepada gurunya yang memberi denda itu. Oleh itu, guru Pendidikan khas perlu meneliti kelebihan dan kelemahan strategi ini dijalankan ke atas murid masalah pembelajaran tahap kognitif yang teruk seperti Aisyah. Hal ini demikian kerana, dendaan dari guru yang terlalu kerap akan membina sosio-emosi yang tidak sihat dimana akhirnya murid ini akan berkembang dengan situasi yang dianggap negatif olehnya. Secara tidak langsung pembelajaran mereka terganggu dan perkembangan dari aspek kognitif, sosio-emosi dan tingkah laku serta komunikasi murid masalah pembelajaran seperti Aisyah akan terjejas.

## **Kesimpulan**

Masalah tingkah laku negatif yang mengganggu orang lain seperti murid bermasalah pembelajaran yang bernama Aisyah ini merupakan perkara yang perlu diberi perhatian yang serius kerana bermula dengan permasalahan yang kecil sebegini jika ia berterusan akan menjadikannya satu kebiasaan, seterusnya akan dibawa hingga ke peringkat dewasa. Setiap perlakuan atau perbuatan yang terzahir oleh murid-murid Pendidikan khas adalah disebabkan faktor-faktor yang tertentu yang mempengaruhi perbuatan tersebut. Namun, setiap perbuatan ini mempunyai kesan tertentu, yang mana kesan tersebut bukan setakat mempengaruhi diri murid tersebut, bahkan turut mempengaruhi murid Pendidikan khas yang berada di persekitarannya. Oleh demikian, strategi atau cara untuk mengatasi tingkah laku bermasalah ini hendaklah bersesuaian dengan tingkah laku bermasalah tersebut. Strategi yang ingin dijalankan adalah berbeza bergantung kepada masalah yang dihadapi. Terdapat pelbagai strategi dan penyelesaian yang berkesan yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah ini. Strategi diatas yang dipraktikkan boleh membantu murid masalah pembelajaran kognitif tahap teruk untuk mengubah tingkah laku negatif kepada tingkah laku positif dan seterusnya melicinkan proses pembelajaran. Pemilihan kaedah intervensi yang betul dan tepat amat penting bagi keberkesanan pengubahsuaian tingkah laku yang tidak diinginkan kepada tingkah laku positif.